

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home > Berita Harian > 8 June 1983 > Page 1 > Mahkamah mula dengar rayuan Mokhtar

Mahkamah mula dengar rayuan Mokhtar

Berita Harian, 8 June 1983, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL14088

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Mahkamah mula dengar rayuan Mokhtar

KUALA LUMPUR, Selasa. — Mahkamah Persekutuan hari ini mula mendengar rayuan bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim, 42 tahun, terhadap hukuman mati yang dijatuhkan ke atasnya kerana membunuh bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Sembilan Datuk Mohamad Taha Talib.

Datuk Mokhtar, yang kelihatan lesu dan berwajah muram, dibawa ke mahkamah dengan tangannya digari untuk memulakan rayuan itu yang dijangka berjalan selama seminggu.

Turut bersama beliau ke mahkamah untuk membuat rayuan ialah ketua kampung Rahmat Satiman yang juga dijatuhkan hukuman mati atas kesalahan yang sama.

Pengakuan

Dua orang lagi yang turut dituduh tetapi dibebaskan kemudian kerana kurang bukti — peniaga Nordin Johan, 33 tahun, dan Aziz Abdullah, 64 tahun — juga dihadapkan di mahkamah.

Mereka ditangkap semula 12 hari selepas dibebaskan dan ditahan di Penjara Pudu sementara

Information ^

Newspaper:
Berita HarianDate:
8 June 1983Reel Number:
NL14088

^ Scroll to Top

Share

Table of Contents ^

< Previous

Page 1 ▾

Next >

Nama Akhbar

Berita Harian HARIAN BERBAHASA MELAYU YANG TUNCCAL DI SINGAPURA NO 10,368 RABU, 8 JUN

DUNIA di sana sini... Puncak OAU terancam

DUNIA di sana sini... Puncak OAU terancam Reuter. ADDIS ABABA. Para pemimpin Afrika melancarkan

Tanda cerah utk ekonomi

Tanda cerah utk ekonomi AFP. KUALA LUMPUR. Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah berkata

Restoran bestman

View Full Table of Contents >

menunggu rayuan dari Peguam Negara Datuk Abu Talib.

Ketua Hakim Besar Negara, Raja Tan Sri Azlan Shah, dengan dibantu dua hakim lagi, mula mendengar satu rayuan dari pihak Pendakwa terhadap dua orang yang dituduh dan dibebaskan lebih awal, iaitu Nordin dan Aziz.

Dalam rayuannya, Datuk Mokhtar telah membentangkan 33 sebab, termasuk beberapa soalan mengenai pengakuan dan keterangan awal yang dibuat oleh Rahmat Satiman.

Terdahulu dari ini, Rahmat telah memberitahu Mahkamah Tinggi tentang pakatan untuk menjatuhkan Allahyarham Datuk Taha dari kuasa dengan pertolongan seorang bomoh untuk menghalang beliau dari dilantik memegang satu jawatan kanan dalam kerajaan negeri yang menentang kehendak Datuk Mokhtar. — Reuter, UPI.

Related Articles

Hujah2 tambahan peguam Mokhtar ditolak

Berita Harian 9 June 1983

Hujah2 tambahan peguam Mokhtar ditolak KUALA LUMPUR, Rabu.

Rayuan Mokhtar: Dua tetap dibebas

Berita Harian 10 June 1983

Rayuan Mokhtar: Dua tetap dibebas Berna- ma, AFP KUALA LUMPUR,

Mokhtar Hashim diarah bela diri

Berita Harian 1 January 1983

Mokhtar Hashim diarah bela diri AP. KUALA LUMPUR, Jumaat. Mahkamah

National Library Board

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29